

## KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UPM SESI 2016/2017

Kejohanan Sukan Kolej UPM sesi 2016/2017 telah melabuhkan tirainya pada 14 Mei 2017 yang lalu. Pada sesi ini, sebanyak 21 acara sukan kategori lelaki dan 20 acara sukan kategori wanita telah dianjurkan. Kejohanan sukan kolej ini telah disertai oleh 17 pasukan kolej kediaman di UPM. Berikut merupakan keputusan rasmi Kejohanan Sukan Kolej UPM bagi sesi 2016/2017.



Kategori Lelaki		
Ked.	Kolej	Mata
1	Kolej Kedua	103
1	Kolej Tun Dr. Ismail	103
2	Kolej Sepuluh	99
3	Kolej Tujuh Belas	97
4	Kolej Tiga Belas	77
5	Kolej Keenam	73
6	Kolej Pendeta Za'ba	51
7	Kolej Kelima	47
7	Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	47
8	Kolej Canselor	46
9	Kolej Tun Perak	40
10	Kolej Lima Belas	35
11	Kolej Empat Belas	29
12	Kolej Mohamad Rashid	26
13	Kolej Dua Belas	22
14	Kolej Enam Belas	2

Kategori Wanita		
Ked.	Kolej	Mata
1	Kolej Tujuh Belas	118
2	Kolej Kedua	114
2	Kolej Tun Dr. Ismail	114
3	Kolej Keenam	82
3	Kolej Sebelas	82
4	Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	54
5	Kolej Canselor	46
6	Kolej Pendeta Za'ba	42
6	Kolej Tiga Belas	42
7	Kolej Tun Perak	39
8	Kolej Kelima	35
9	Kolej Mohamad Rashid	30
10	Kolej Dua Belas	24
11	Kolej Lima Belas	21
12	Kolej Empat Belas	16
13	Kolej Enam Belas	7



## MAJLIS ANUGERAH SUKAN UPM KALI KE-33, 2017

Pusat Sukan UPM telah menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UPM kali ke-33, 2017 pada 17 Mei 2017 (Rabu) bertempat di Dewan Bankuet, UPM. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada para atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang telah banyak memberi sumbangan dalam pembangunan sukan di UPM. UPM dan Pusat Sukan khususnya amat berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh atlet-atlet UPM di persada sukan tanahair.

Seramai 222 orang atlet UPM daripada pelbagai sukan telah menerima anugerah pada malam yang penuh gemilang tersebut. Antara anugerah yang disampaikan pada malam itu ialah Anugerah Olahragawan, Anugerah Olahragawati, Anugerah Bintang Harapan Lelaki, Anugerah Bintang Harapan Wanita, Anugerah Emas, Anugerah Perak, Setia Bakti, Penghargaan Khas dan Tokoh Sukan.

Majlis Anugerah Sukan UPM kali ke-33, 2017 ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Husaini Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), mewakili Naib Canselor Universiti Putra Malaysia. Penerima utama bagi Majlis Anugerah Sukan UPM ke -33, 2017 adalah seperti berikut:

- 1) Anugerah Olahragawan : Johnathan Wong Guanjie (Menembak)
- 2) Anugerah Olahragawati : Saritha a/p Cham Nong (Memanah)
- 3) Anugerah Bintang Harapan Lelaki : Syed Syafiq Syed Cholan (Hoki)
- 4) Anugerah Bintang Harapan Wanita : Zaidatul Husniah Zulkifli (Olahraga)



## ATLET UPM BANTU PASUKAN RAGBI NEGARA JUARAI KEJOHANAN RAGBI ASIA 2017

Seramai 4 orang atlet Ragbi UPM (Serdang Angels) telah membantu pasukan Ragbi 15s Malaysia mengekalkan kejuaraan dalam Kejohanan Ragbi Asia 2017 Div. 1. Kejohanan ini telah berlangsung di Padang Ipoh, Perak pada 14-20 Mei 2017. Kejayaan pasukan Ragbi negara mengulangi kejuaraan pada 2016 kejuaraan Divisyen-1 telah memastikan pasukan Ragbi Malaysia mendapat laluan ke kejohanan kelayakan Ragbi Piala Dunia 2019 yang akan mulakan saingan pada 2018.

Pada Kejohanan Ragbi Asia 2018, hanya juara "Asian Rugby Championship" yang terdiri daripada pasukan Malaysia, Hongkong dan Korea akan layak untuk bermain perlawanan 'play-off' Asia-Oceania dalam kelayakan Ragbi Piala Dunia 2019. Berikut antara atlet UPM yang menyertai pasukan kebangsaan dalam edisi Kejohanan Ragbi Asia Div. 1, 2017.

- 1) Mohd Nur Ikhwan Nordin (Bacelor Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Fakulti Kejuruteraan)
- 2) Mohd Nurazman Ramli (Bacelor Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi)
- 3) Mohd Alif Al Hafiz Abdul Karim (Bacelor Pendidikan Jasmani, Fakulti Pengajian Pendidikan)
- 4) Nazuridin Abd Latif (Bacelor Pendidikan Jasmani, Fakulti Pengajian Pendidikan)





## PEMANAH UPM UNGGUL DI KEJOHANAN MEMANAH ANTARABANGSA USM & SIRKIT 2 KEBANGSAAN

Pemanah UPM tepati ramalan bidik 3 emas, 2 perak dan 1 gangsa di Kejohanan Memanah Antarabangsa USM & Sirkuit 2 Kebangsaan 2017 yang diadakan di Kubang Kerian, Kelantan pada 17 hingga 21 Mei 2017. Penyertaan kejohanan ini merupakan salah satu platform persediaan pasukan Memanah UPM yang akan menyertai kejohanan Karnival Sukan MASUM 2017 yang akan diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8-22 Julai 2017. Dalam edisi Karnival MASUM 2017, pasukan Memanah UPM membuat sasaran untuk menjadi juara keseluruhan bagi sukan Memanah.



## PETANG SANTAI STAF PUSAT SUKAN

Warga Pusat Sukan UPM melapangkan masa sepetang untuk sama-sama bergotong royong dan menikmati jamuan pada 24 Mei 2017. Majlis santai ini digunakan sepenuhnya oleh staf Pusat Sukan untuk bergaul mesra mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kerjasama berpasukan di kalangan staf.



## JOHNATHAN WONG GUANJIE DINOBATKAN OLAHAGAWAN MASUM 2016

Johnathan Wong Guanjie telah dinobatkan sebagai Olahragawan sempena Majlis Anugerah Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2016 yang telah diadakan di Hotel Grand Magherita Kuching, Sarawak pada 18 Mei 2017. Kejayaan Johnathan dalam sukan Menembak (10m Air Pistol) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada 2016 telah menjadikan beliau sebagai calon terbaik untuk memenangi Anugerah Olahragawan tersebut. Beliau telah membawa pulang hadiah wang tunai RM 3000.00, blazer, trofi dan sijil.



## HAKIMI DAN JUN HOONG OLAHAGAWAN DAN OLAHAGAWATI PERAK 2015/2016

Kejayaan atlet Olahraga UPM bagi acara Lompat Kijang dan sukan Terjun di peringkat antarabangsa telah diiktiraf semasa Majlis Anugerah sukan Perak bagi tahun 2015/2016. Muhammad Hakimi Ismail daripada sukan Olahraga dan Cheong Jun Hoong, Terjun merupakan atlet negara yang sedang mengikuti pengajian di UPM telah dianugerahkan dengan anugerah Olahragawan dan Olahragawati Perak 2015/2016. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah. Majlis yang penuh gemilang dan bersejarah tersebut telah diadakan di Hotel Casuarina@ Meru, Ipoh pada 19 Mei 2017. Kemenangan itu melayakkan mereka, masing-masing menerima piala pusingan, trofi, blazer dan wang tunai RM7, 000.00.



## KLINIK ASAS SUKAN GOLF ANJURAN PUSAT SUKAN UPM

Seramai 25 orang pelajar UPM telah terlibat dalam Klinik Asas Golf yang dianjurkan oleh Pusat Sukan UPM dengan kerjasama Akademi Golf Kebangsaan pada 12 Mei 2017 bertempat di Driving Range, UPM. Objektif penganjuran ialah bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar kolej mengenai asas sukan Golf. Sukan Golf juga akan dipertandingkan dalam kejohanan sukan kolej UPM pada sesi hadapan. Klinik ini telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Sukan UPM, Dr. Hanafiah Ayub.



## PENYERTAAN KEJOHANAN PASUKAN UPM BULAN MEI 2017

BIL.	NAMA KEJOHANAN	TARIKH	TEMPAT	PENCAPAIAN
1	Kejohanan Ragbi 10s Perlis 2017	12-14 Mei 2017	Padang IPG, Kangar, Perlis	Lelaki: Naib Johan (Kategori Cup) Wanita: Johan "Plate"
2	Beautiful Terengganu International Judo Championship 2017	12-15 Mei 2017	Stadium Tertutup Gong Badak, Terengganu	1 Emas, Kategori Wanita Terbuka (Penyertaan 2 orang atlet)

### INFO PENYERTAAN KONTINGEN UPM

- Kejohanan Karnival Sukan Universiti Malaysia (MASUM) / 8-22 Julai 2017 / Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kejohanan Sukan Badan Berkananun (SUKANUN) / 21-27 Julai 2017 / Melaka
- Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) / 29 Julai-5 Ogos 2017 / Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak